NIOSH Malaysia Newsletter... bringing you the OSH updates

# FYi

NIOSH
National Institute Of Occupational Safety And Health

No Permit:PP13200/12/2013(032007)
October 2017:ISSN 1675-5464

*Your OSH preferred partners*



# RISIKO KESIHATAN DI TEMPAT KERJA

# RISIKO KESIHATAN DI TEMPAT KERJA

## Pengenalan

Malaysia mempunyai seramai 13 juta tenaga kerja yang bekerja di pelbagai sektor pada tahun 2011.Golongan pekerja mempunyai risiko untuk mendapat kecederaan dan penyakit disebabkan mereka terdedah kepada pelbagai hazad di tempat kerja.

## Apakah hazad?

Hazad adalah keupayaan sesuatu bahan untuk mencederakan kita.

## Apakah risiko?

Risiko adalah merupakan kebarangkalian sesuatu hazad menyebabkan kecederaan kepada kita semasa pengunaannya

## Jenis-jenis hazad

Terdapat 5 jenis hazad iaitu:

- **Hazad Kimia** contohnya seperti bahan alkali, bahan asid, bahan pelarut organik, wap dan gas beracun.
- **Hazad Fizikal** contohnya seperti kebisingan, getaran, radiasi, suhu panas, suhu sejuk, aliran elektrik dan tekanan berlebihan.
- **Hazad Biologi** contohnya seperti bakteria, virus, serangga dan hama.
- **Hazad Ergonomik** contohnya seperti tugas berat yang mengunakan tangan, keadaan badan yang kekok, tugas yang memerlukan pergerakan berulang-ulang yang kerap.
- **Hazad Psikososial** contohnya seperti tekanan kerja, beban kerja berlebihan, tiada sokongan rakan kerja, tiada kepelbagaian kerja dan kerja pada waktu malam.

## Kesan-kesan kesihatan

Kesan kesihatan yang boleh terjadi kepada pekerja akibat pendedahan kepada hazad bergantung kepada faktor-faktor seperti berikut:

- Jenis hazad
- Jangkamasa pendedahan
- Banyaknya jumlah hazad yang didedahkan.
- Faktor-faktor sosial demografi pekerja seperti umur, jantina, keturunan dan status kesihatannya.
- Langkah-langkah kawalan yang sedia ada di tempat kerja seperti pelindung mesin, penyedut udara dan pemakaian alat pelindung diri.

Kesan-kesan kesihatan yang boleh terjadi adalah:

- Kesan serta-merta seperti terbakar, keracunan dan kecederaan.
- Kesan jangkamasa panjang terjadinya penyakit-penyakit pekerjaan seperti, hilang pendengaran akibat bunyi bising, penyakit paru-paru, kegagalan buah pinggang, penyakit saraf, dan kanser.



## Pencegahan

Aktiviti-aktiviti pencegahan penyakit pekerjaan dan kecederaan yang menyeluruh di tempat kerja memerlukan penglibatan majikan dan pekerja. Majikan dan pekerja perlu melaksanakan tanggung jawab masing-masing secara bersungguh-sungguh.

**Tanggung jawab majikan ialah:**

- Mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan
- Menjalankan penilaian risiko untuk menilai hazad dan risiko di tempat kerja
- Melaksanakan langkah-langkah kawalan untuk memastikan tempat kerja adalah selamat dan sihat berdasarkan hasil penilaian risiko dijalankan
- Menjalankan pemeriksaan perubatan/kesihatan kepada pekerja seperti yang dikehendaki oleh undang-undang
- Memberikan latihan kepada pekerja mengenai keselamatan dan kesihatan

**Tanggung jawab pekerja:**

- Mematuhi setiap arahan dan prosedur kerja selamat
- Bekerjasama dengan majikan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan terjamin
- Memakai alat-alat pelindung diri yang sesuai secara yang betul

## Undang-undang dan peraturan yang berkaitan

- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
- Akta Kilang dan Jentera 1967
- Akta Racun Makhluk Perosak 1974
- Akta Keselamatan Sosial 1969

## Pampasan

Pekerja yang mencarum kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) adalah layak untuk mendapat bayaran pampasan dan juga rawatan pemulihan jika:

- Mereka disahkan mendapat Penyakit Pekerjaan.
- Mereka mengalami kemalangan semasa bekerja termasuk semasa perjalanan pergi dan balik dari bekerja.
- Mereka disahkan mendapat keilatan disebabkan penyakit kronik tertentu.

## Soalan-soalan yang sering disoal

**Apakah penyakit pekerjaan?**

- Penyakit pekerjaan adalah penyakit yang terjadi akibat pendedahan kepada hazad di tempat kerja. Contoh-contoh penyakit pekerjaan ialah penyakit silikosis, yang disebabkan oleh pendedahan terhadap debu-debu, batu, dan pasir, penyakit kulit akibat alahan terhadap pemakaian sarung tangan getah, Pekak akibat pendedahan terhadap bunyi bising yang berpanjangan dan kesakitan kepada otot serta sendi akibat pendedahan terhadap kerja yang berat dengan menggunakan tangan.

**Apakah kemalangan pekerjaan?**

- Kemalangan pekerjaan adalah kemalangan yang berlaku semasa bekerja termasuklah kemalangan semasa perjalanan pergi dan balik dari bekerja yang menyebabkan kecederaan.

**Bagaimanakah caranya saya ingin mengawal hazad di tempat kerja?**

Hazad di tempat kerja boleh dikawal mengikut kaedah-kaedah berikut:

1. Menghapuskan hazad tersebut dengan tidak mengunakannya lagi atau menggunakan cara-cara yang lain.
2. Mengantikan bahan yang berhazad dengan bahan yang kurang bahaya.
3. Mengunakan kaedah kawalan kejuruteraan seperti mengunakan peralatan automatik, penghadang mesin dan penyedut udara setempat (Local exhaust ventilation).
4. Menggunakan kaedah kawalan pentadbiran seperti giliran kerja, mengamalkan prosedur kerja selamat serta penguatkuasaan undang-undang serta peraturan.
5. Pengunaan alat-alat pelindung diri seperti topeng pernafasan, pemalam telinga, kacamata keselamatan, kasut keselamatan, topi keselamatan, sarung tangan dan pakaian pelindung bahagian depan.



*Penggunaan penghadang mesin*



*Penggunaan penyedut udara setempat*



*Topi keselamatan dan pemalam telinga*



*Alat penapis pernafasan (respirator)*

**Siapakah yang bertanggung jawab untuk membekalkan alat pelindung diri kepada pekerja?**
Adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk membekalkan alat pelindung diri yang bersesuaian secara percuma kepada pekerja.

**Dimanakah saya boleh mendapat nasihat dan rawatan jika saya mengalami masalah kesihatan yang berkaitan dengan pekerjaan?**
Anda boleh berjumpa Doktor Kesihatan Pekerjaan untuk mendapatkan nasihat dan rawatan.

*Sumber Maklumat: http://www.myhealth.gov.my/risiko-kesihatan-di-tempat-kerja/ /*

INTERNATIONAL PROGRAM SHORT REPORT

# XXI WORLD CONGRESS ON SAFETY & HEALTH AT WORK 2017,

### 3rd – 6th SEPTEMBER 2017, SINGAPORE




The XXI World Congress on Safety and Health at Work 2017 was held at Convention and Expo Sands Centre, Marina Bay Sands, Singapore on 3rd – 6th September 2017. This Congress which is hosted for the first time in South-east Asia, was started in 1996 in Madrid, Spain. The congress is held once in every three years as a platform for information, view, input and opinion sharing from Occupational Safety and Health (OSH) experts, practitioner, worker's representative and enterprise (social partner), policy and decision maker from government representative and local council and any interested parties.

The congress were attended by about 4,000 participants from 100 countries and 60 exhibitors. As the biggest OSH congress organised at Southeast Asia, this event were championed by OSH Division, Ministy of Manpower, Singapore as host country, supported by International Labour Organization (ILO) and International Social Security Association (ISSA). With the theme, A Global Vision of Prevention, this congress was a success to enhance the understanding towards Vision Zero concept, including how a healthy occupational can give impact to healthy life style and the importance of people-centred prevention.

The congress was officially launched by Mr Lee Hsien Loong, Prime Minister of Singapore. Prior to the opening speech, the co-organiser of this prestigious congress, Mr Guy Ryder, Director General of International Organization of Labour (ILO), Switzerland and Dr. Joachim Breuer, Presiden of International Social Security Association (ISSA), Switzerland delivered the welcoming address to the audience.

NIOSH Malaysia have sent four delegates to attend the congress as a part of staff capacity building, expand international networking and exposure to OSH current issues. They were from Consultation, Research and Development Department (CRD), Tuan Haji Mohd Esa (Senior Manager), Mrs. Siti Zainatul Arafah (Manager, Occupational Safety and Health Management Division, OSHMD), Mr Mohd Kashfullah (Senior Executive, Occupational Safety Division) and Mrs. Siti Nasyrah (Executive, OSHMD).

The participation also intends to fulfill NIOSH research activities such as obtaining current OSH information, conduct benchmarking study, extend international networking and survey the research products or services from other established researchers institutes. The intention is to enhance the quality of research conducted by NIOSH Malaysia in line with other developed country. The delegates are conducting a research on 'Development of OSH Improvement Plan To Empower The Role of Principle Employer in OSH Implementation in Malaysia', one of mass research project funded by Malaysian Government under the 11th Malaysia Plan (RMK-11) grant. The research was monitored by Department of Occupational Safety and Health (DOSH), Ministry of Human Resources. Haji Mohd Esa was given the golden opportunity to present OSH paper entitle, Occupational Safety And Health Compliance For SMEs Utility Sector In Malaysia (Code: WCSH2017-1318) in technical session on the 3rd Day of the congress.



*Figure 1: Delegates from NIOSH Malaysia (From Right: Hj Mohd Esa, Mohd Kashfullah, Siti Nasyrah and Siti Zainatul Arafah)*

"I believe these estimates speak for themselves, they are clearly a clarion call for action. But the global estimates for the number of fatal and non-fatal diseases and injuries require a bit of explanation. The increase in work-related fatal injuries and diseases, from 2.3 million to 2.78 million each year, and non-fatal injuries and diseases, from 302 million to 374 million each year, is in large part due to better data; better data on global workforce participation and better data on work-related respiratory diseases. This increase, is also due in part to the fact that we are living longer and our work-related exposures to hazards, such as asbestos, have the opportunity to kill us instead of other health determinants with more immediate impacts on health", state Ms Nancy Leppink, Chief of the Labour Administration, Labour Inspection and Occupational Safety and Health Branch, International Labour Organization, Switzerland in her sharing on ILO reports.




Among the newest program organised in the congress was the safeyouth@work Congress. There were about 60 young delegates participating in the safeyouth@ work Congress that has been organized by the ILO as part of this year's World Congress. The safeyouth@ work Congress has brought to Singapore 125 youth OSH champions selected based on their commitment to improve the safety and health of young workers. The safeyouth@work Congress is working to develop leadership and organizing skills and to assist the youth OSH champions in the development of their ideas on how to improve the safety and health of young workers. Malaysia may relook or repackage the OSH in school program so that it will also contribute to the empowerment of safeyouth@work aspiration.




Congress also witnessed the launch of Vision Zero concept (Safety, health and wellbeing). Vision Zero aims to inculcate a mindset that all injuries and ill health arising from work are preventable. Healthy work – Healthy Life is an integrated approach where employees and employers work together continuously to sustain, protect and promote each other's safety and health in the workplace. Accidents at work and occupational diseases are neither determined by fate nor unavoidable – they always have causes. With a strong prevention culture, these causes can be eliminated and work related accidents, harm and occupational diseases be prevented. "Vision Zero" is a transformational approach on prevention that integrates the three dimensions of safety, health and well-being at all levels of work. It is flexible and can be adjusted to the specific safety, health or well-being priorities for prevention in any given context which makes Vision Zero beneficial to any workplace, enterprise or industry in all regions of the world. Malaysia OSH Master Plan 2020 brings the same principle, which focusing on preventive culture development. Needless to say, Vision Zero and Malaysia OSH Master Plan 2020 complements each other and will give impactful message to industry on the importance of commitment in OSH. It is meaningless to just have a very good concept without full commitment from interested parties.

In summary, 7 Golden Rules for Vision Zero is as below:

1. Take leadership – demonstrate commitment
2. Identify hazards – control risks
3. Define targets – develop programmes
4. Ensure a safe and healthy system –
5. be well-organized
6. Ensure safety and health in machines
7. equipment and workplaces
8. Improve qualifications – develop competence
9. Invest in people – motivate by participation

***Note:*** *This article was wrote by Hj Mohd Esa as one of the delegates to the XXI World Congress on Safety & Health at Work 2017.*

# MAJLIS *GRAND DINNER* NIOSH 2017




**Pada 7 Oktober 2017,** NIOSH telah menganjurkan majlis *Grand Dinner 2017*. Majlis yang julung kali ini diadakan di Marriot Hotel, Putrajaya. Seramai lebih 200 orang telah hadir bagi memeriahkan sambutan hari keluarga yang terdiri daripada kakitangan dan ahli keluarga NIOSH. *Grand Dinner 2017* ini turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti pertandingan persembahan di antara jabatan NIOSH, makan malam, cabutan bertuah, pakaian tercantik mengikut tema dan pelbagai aktiviti-aktiviti lain.

*Grand Dinner 2017* kali ini bertemakan *'Hikayat 1001 Malam - Arabian Night'* telah mewujudkan satu platform semangat muhibah dan kenal mengenali antara warga kerja dan ahli keluarga. Matlamatnya adalah untuk menekankan pentingnya keluarga dalam kehidupan sehari-hari dan merapatkan lagi hubungan sesama anggota keluarga.

Sambutan *Grand Dinner 2017* ini telah dirasmikan oleh Tn Hj Zahrim Osman, Pengarah Eksekutif NIOSH yang mana dalam ucapan beliau menekankan bahawa pentingnya semangat kekeluargaan, kekitaan dan keakraban di kalangan warga kerja. Turut serta dalam majlis tersebut ialah Pengerusi NIOSH, Tan Sri Lee Lam Thye sebagai tetamu kehormat pada malam tersebut.

Selain itu, majlis turut mengadakan penyampaian sumbangan kepada warga kerja yang berkhidmat di NIOSH 10 tahun dan 20 tahun. Sumbangan ini diberikan bagi menghargai sumbangan dan jasa kakitangan yang selama ini menabur bakti bagi pembangunan NIOSH sehingga berada di tahap sekarang.

Semoga sambutan *Grand Dinner 2017* ini dapat merapatkan lagi ikatan ukhuwah antara warga NIOSH dan keluarga masing-masing dan adalah menjadi harapan agar sambutan seumpama ini dapat dianjurkan pada tahun-tahun akan datang.




# LAWATAN KE JOKJAKARTA, INDONESIA ANJURAN PUSPANITA

**PUSPANITA NIOSH** telah mengadakan lawatan ke Jokjakarta, Indonesia 3 hari 2 malam iaitu pada 18 – 20 Oktober 2017 dengan kerjasama Puspanita Kementerian Sumber Manusia. Seramai 16 ahli Puspanita telah menyertai lawatan pada tahun ini.

**Hari pertama** pada 18 Oktober 2017, pada jam 10.00 pagi waktu Indonesia kumpulan Puspanita NIOSH tiba di Jogjakarta Airport terus ke Kalibiru yang terdapat di daerah Kabupaten Kulon Progo untuk menikmati pemandangan indah dari tempat tinggi. Pada sebelah petang lawatan diteruskan ke Malioboro Street untuk membeli cenderahati

**Hari kedua** pada 19 Oktober 2017, sesi lawatan diteruskan ke Gunung Merapi bagi melihat kesan Gunung Berapi dengan jarak dekat. Gunung Merapi merupakan salah satu gunung yang teraktif di Indonesia. Pada hari tersebut juga kumpulan Puspanita ini melakukan aktiviti lasak di Lava Tour dengan menaiki Jeep di sekitar Gunung Merapi. Selepas aktiviti lasak, seterusnya melawat ke Candi Borobudur yang merupakan tempat peninggalan sejarah kerajaan Dinasti Sailendra yang merupakan Candi Budha terbesar di dunia.



**Hari ketiga** pada 20 Oktober seawal pagi lawatan dibawa ke Mangunan untuk melihat pemandangan matahari terbit dari ketinggian 200 meter dari permukaan laut. Ia di gelar Negeri di atas Awan dimana pemandangan bawahnya adalah Kebun Buah Mangunan yang sangat luas. Kumpulan tersebut juga dibawa melawati Melawati Hutan Pinus yang terdiri daripada deretan pokok pinus seluas 500 hektar. Deretan pokok-pokok Pinus membentuk pemandangan yang sangat cantik dengan udara yang segar dan nyaman.

Sebelah petang pada hari ketiga itu, lawatan diteruskan ke Rumah Hobbit merupakan beberapa deretan rumah unik menyerupai rumah Hobbit dan ke Goa Pindul untuk aktiviti susuri Gua bawah tanah dengan aliran air sungai di sepanjang lorong dengan menaiki pelampung yang diikat secara berkumpulan. Lawatan terakhir ke Pantai Timang tempat yang paling popular di kalangan pengunjung. Bukan sahaja terdapat Lobster segar sebagai juadah, tetapi juga gondola kayu yang ditarik menggunakan tenaga manusia.

# SEMINAR PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN UNTUK SEKOLAH TAHFIZ

**Pada 30 Oktober 2017,** NIOSH telah menganjurkan Seminar Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk Sekolah Tahfiz 2017, yang dirasmikan oleh Pengerusi NIOSH, Tan Sri Lee Lam Thye. Seminar yang julung kali diadakan di NIOSH Bandar Baru Bangi yang terdiri dari guru-guru, para pentadbir sekolah Tahfiz di sekitar Selangor.

Objektif utama program ini diadakan adalah bagi memberi kefahaman dan kesedaran dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan seperti Perundangan, Sistem Pengurusan KKP, Jawatankuasa KKP, Polisi KKP dan perkara berkaitan KKP kepada Pengusaha, Guru / Para Pentadbir mahupun kakitangan Sekolah Tahfiz. Selain itu, bagi mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan sihat kepada guru / para pentadbir / kakitangan Sekolah Tahfiz dan juga pelajar sepanjang berada sekolah.

Program ini juga bagi menyediakan dan menggalakkan pelaksanaan pengenalpastian *Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC)* serta penyediaan prosedur kerja selamat (safe operating procedure) bagi setiap aktiviti yang dijalankan di sekolah bagi menangani isu-isu seperti keselamatan bangunan, padang permainan, keselamatan lalu lintas di pintu masuk sekolah, vandalisme, kebersihan (tandas, kantin) dan keselamatan di asrama.

Dalam ucapan perasmian, Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) Tan Sri Lee Lam Thye berkata semua sekolah tahfiz akan digalakkan untuk melaksanakan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) yang baik dengan mengamalkan konsep pengenalpastian bahaya, penilaian risiko dan kawalan risiko (HIRARC). Beliau turut berkata semua tempat kerja mempunyai bahaya dan risiko yang perlu di atasi dan adalah menjadi tanggungjawab mereka di tempat kerja, termasuk di sekolah-sekolah tahfiz. NIOSH juga akan memperkenalkan buku garis panduan persediaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) untuk rujukan sekolah tahfiz, hujung tahun ini.

Seminar sehari anjuran NIOSH dengan kerjasama Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran (PINTA) Selangor itu, dihadiri 89 wakil sekolah tahfiz. Turut hadir, Pengerusi PINTA Selangor, Mohd Dailami Che Age dan Pengarah Eksekutif NIOSH, Hj Zahrim Osman.

